

Sunway Construction sedia teroka pasaran Myanmar

 Share

 Tweet

 8+ Share

KUALA LUMPUR: Sunway Construction Group Bhd (SunCon) merancang untuk meneroka pasaran Myanmar menerusi jalinan perkongsian dengan Capital Construction Ltd (CCL) yang berpangkalan di Yangon bagi membida projek utama.

Anak syarikat milik penuh tidak langsung SunCon, Sunway Builders (Myanmar) Co Ltd hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan CCL, anggota firma konglomerat terkemuka Myanmar, Capital Diamond Star Group (CDSG), bagi tujuan kerjasama dan berkongsi kepakaran.

Dalam kenyataan bersama, SunCon dan CDSG berkata mereka merancang untuk bersama-sama membida projek yang berpotensi dibangunkan oleh CDSG, seperti pembangunan penggunaan bercampur, pejabat, hotel, hospital di Yangon dan Mandalay, serta projek infrastruktur luar.

“MoU ini akan membolehkan kedua-dua syarikat pembinaan utama ini berkongsi pengetahuan dan kepakaran pembinaan dalam pengurusan projek, untuk melaksanakan strategi paling berkesan bagi pembangunan projek,” katanya.

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia hari ini, SunCon berkata Sunway Builders akan memegang 60 peratus kepentingan dalam projek luaran yang dilaksanakan oleh usaha sama dengan CCL, manakala CCL akan menjadi anggota utama dengan 65 peratus kepentingan bagi projek dalaman yang dilaksanakan CDSG serta kumpulan syarikatnya. --BERNAMA